

22 APR 2003

PETRONAS-PERNIAGAAN/I

REPUTASI DAN DEDIKASI PETRONAS AKAN PERMUDAH PERNIAGAAN MASA DEPAN

Oleh: Siti Hawa Othman

BINTULU, 22 April (Bernama) -- Reputasi Petronas dalam memajukan industri minyak dan gas Malaysia serta dedikasinya terhadap pelanggannya, akan membantu dalam mempermudah perniagaan baru pada masa depan yang mencabar.

Sejak penghantaran pertama gas asli cecair (LNG) ke Jepun pada tahun 1983 hingga akhir Mac 2003, tidak sekali pun penghantaran kargo itu gagal dan dengan mengekalkan hubungan begini, Petronas dipandang tinggi oleh pelanggan-pelanggannya.

Presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican berkata, setakat ini, sejumlah 3,561 cargo telah dijual, 108 juta tan metrik LNG telah dihantar dan pendapatan sebanyak AS\$36.1 bilion telah diraih daripada penjualan LNG.

Beliau berkata demikian pada majlis taklimat dan lawatan suaikenal media di Kompleks LNG Bersepadu Petronas di sini, semalam.

Kompleks yang berkupayaan mengeluarkan 23 juta tan metrik LNG setahun dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Mei ini, akan menjadi kemudahan pengeluaran LNG tunggal terbesar di dunia dengan siapnya rangkaian jentera kedua MNLG Tiga Sdn Bhd Oktober ini.

Kegiatan utama MNLG ialah menukarkan gas asli kepada gas cecair dan memasarkannya ke luar negara.

Hassan berkata, keunikan perniagaan ini ialah ia melibatkan pengaruh besar kerajaan dan memandangkan ia berkaitan dengan kerajaan, LNG dimajukan dengan memikirkan pencapaian objektif negara secara lebih luas.

Rizab gas asli telah ditemui di Luconia Tengah, di luar pantai Bintulu pada tahun 1967 dan pada tahun 1975, Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak, membentuk pasukan petugas LNG untuk melaksanakan projek LNG pertama Malaysia.

Pada tahun 1978, Malaysia LNG Sdn Bhd (MLNG1) telah ditubuhkan. Ia merupakan sebuah usaha sama yang melibatkan Petronas, Shell Gas BV, Mitsubishi Corp. dari Jepun dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menggunakan gas yang tidak bercampur minyak dari luar pantai Sarawak itu bagi tujuan eksport.

Kata Hassan, sebelum itu, semasa penyuaran (flaring) minyak, gas yang keluar bersamanya bernilai kira-kira AS\$300,000 terbazir begitu sahaja.

MLNG1 memulakan pengeluaran pada tahun 1983 dengan penghantaran pertamanya ke Jepun dan pada tahun 1994, Petronas mula menggunakan kapal tangki LNG pertamanya, Puteri Intan, untuk menghantar LNGnya.

LNG melibatkan proses pencairan di mana gas asli disejukkan ke suhu -161 darjah Celcius dan volumenya dikurangkan sebanyak 600 kali manakala kapal-kapal tangki direka khas untuk bertindak seperti 'peti sejuk' terapung dengan mengekalkan suhu yang sama.

Di peringkat dunia, perniagaan LNG berubah sejak awal tahun-tahun 1960-an dengan kargo pertama diangkut dari Algeria ke United Kingdom pada tahun 1964, kemudian dari Alaska ke Japan pada tahun 1969.

Bagi Amerika Utara dan Eropah, gas disalurkan melalui rangkaian saluran paip yang luas tetapi bagi negara-negara seperti Jepun, Korea dan Taiwan yang tidak mempunyai sumber sendiri atau saluran paip, perniagaan LNG menikmati permintaan yang tinggi.

"Projek-projek LNG didorong oleh permintaan dan tidak bersifat spekulatif kerana kontrak-kontrak yang diberikan adalah bagi jangka panjang, ia bukan komoditi. Ia juga perniagaan yang mahal," katanya.

Rizab gas Malaysia berjumlah 88 trilion kaki padu, dan daripada jumlah ini, 53 peratus didapati di luar pantai Sarawak.

Hassan berkata, dengan inspirasi daripada pucuk pimpinan, Malaysia merupakan antara negara terawal memberi nilai kepada rizab gasnya manakala negara-negara Timur Tengah baru bermula dan bersaing.

Semakin banyak gas akan dimajukan pada masa akan datang, kata beliau sambil menambah bahawa semua gas Sarawak yang dikhususnya untuk penjualan LNG bagi tempoh 20 hingga 25 tahun akan datang, akan disalurkan ke ketiga-tiga loji ini bagi memenuhi kontrak-kontrak itu.

Selain dihantar ke negara-negara pembeli utama seperti Jepun, Korea Selatan dan Taiwan bagi kontrak-kontrak jangka panjang, Petronas juga telah juga menghantar "kargo oportunistik" ke pantai timur Amerika Syarikat.

Penghantaran pada musim panas dengan tempoh berpatah balik selama 60 hari ini dibuat jika harganya sesuai. Selain daripada jaraknya yang jauh, caj yang dikenakan bagi melalui Terusan Suez amat tinggi iaitu AS\$300,000 bagi setiap kapal tangki.

Perniagaan jangka pendek ataupun perniagaan semerta akan juga menjadi cabaran baru dan Petronas mempunyai kelebihannya dari segi ketersediaan bekalan dan lebih banyak kapal tangki untuk menceburi urusan niaga begini.

Anak syarikatnya, Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC) adalah pengusaha kapal tangki LNG terbesar di dunia dengan memiliki 15 buah kapal dan empat lagi sedang dibina manakala dua sedang ditempah.

"Sebab kita mahu memiliki kapal tangki sendiri ialah untuk mengurangkan defisit akaun perkhidmatan. Melalui ini kita juga mempertingkatkan kepakaran kita kerana kapal-kapal tangki ini dikendalikan oleh rakyat Malaysia," tegas beliau.

Malah, sebuah kapal tangki MISC kini disewa khas oleh sebuah syarikat Perancis dan segmen perniagaan ini kini diperluaskan kepada LNG selain LNG Petronas. -- BERNAMA

SHO KTC KY OS